

Retorik Naratif dalam Novel “Orang Kota Bharu”

Narrative Rhetoric in Novel “Orang Kota Bharu”

NURULAIN ABDUL RAZAK & CHE IBRAHIM SALLEH

ABSTRAK

Kajian ini merupakan penelitian secara tekstual dan kontekstual terhadap novel Orang Kota Bharu karya Sasterawan Negara S. Othman Kelantan. Tumpuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis retorik dan meneliti beberapa elemen retorik yang digunakan. Pengkaji memanfaatkan teori retorik moden oleh Enos dan Brown (1993) untuk menjelaskan makna kata yang halus sifatnya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengarang mementingkan retorik jenis naratif untuk menyampaikan pemikiran beliau. Novel ini bertemakan sejarah masyarakat Kota Bharu selepas kemerdekaan negara dengan mengetengahkan beberapa isu politik, ekonomi, keagamaan dan sosial. Berdasarkan analisis elemen retorik, didapati pengarang memanfaatkan bahasa figuratif yang merangkumi elemen metafora, anafora, repeten, epifora, simile, personifikasi, hiperbola, dan hibrida dengan berkesan. Pemanfaatan elemen ini dalam penulisan novel menjadikan bahasa yang digunakan halus dan mendalam. Tahap pemikiran yang tinggi diperlukan untuk memastikan bahawa pembaca memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Kata kunci: Jenis retorik; elemen retori; makna kata; naratif; isu; bahasa figuratif

ABSTRACT

This study is an in-depth textual and contextual study of the novel Orang Kota Bharu authored by the national laureate S. Othman's Kelantan. The focus of the study is the identification of the type of rhetoric and rhetoric elements used in the novel. The researcher employs modern rhetoric developed by Enos and Brown (1993) to explicate meaning. Finding suggest that the author places importance on rhetoric of a narrative structure. The theme in the novel forwards history of the Kelantan people and discusses issues related to independences, politics and economies and religious and social issues. The study also showed that the author used metaphorical elements, such as anaphoric, repeten, epiphora, simile, personification, hyperbola, and hybrid language as choices for figurative language effectively. This seems to show that these language element helped in making the language 'soft'. However this means that a high level of critical and logical thinking is required for a true appreciation of the novel.

Keyword: Rhetoric type; rhetoric element; meaning of specific words; issue; figurative language

PENGENALAN

Retorik ialah suatu kajian yang berkaitan dengan penggunaan bahasa yang berseni serta berketerampilan yang terdapat dalam penulisan karya kreatif seperti novel. Kajian retorik akan meneliti gaya penggunaan bahasa secara berkesan sama ada dalam penulisan atau pertuturan. Asmah Haji Omar (2007:163) mendefinisikan retorik sebagai keupayaan menggunakan bahasa secara berkesan, atau juga ciri yang berkesan dalam bahasa. Keberkesanan sesuatu yang dibicarakan bergantung pada bahasa yang dituturkan, sama ada difahami maksudnya atau sebaliknya. Manakala, tahap pemahaman sesuatu bahasa yang digunakan, mencapai keberkesanan bergantung pada keupayaan

individu itu menggunakan ciri yang ada dalam sesuatu bahasa tersebut. Menurut S. Othman Kelantan dan Abdullah Tahir (2003), novel Melayu merupakan cereka yang mempunyai tema berunsurkan pengajaran yang jelas disampaikan melalui teknik yang masih terikat secara tidak langsung dengan ciri tradisional atau hikayat Melayu. Oleh yang demikian, melalui retorik, pengarang dapat menyampaikan pendapat, idea, gagasan, saranan atau cadangan kepada para pembaca untuk menyebarkan pemikiran, mesej dan perasaan dengan jelas dan berkesan.

Novel *Orang Kota Bharu* (OKB) yang dikategorikan sebagai novel sejarah telah merakamkan tentang kehidupan masyarakat di Kota Bharu. Pengarang berjaya menggambarkan tentang kehidupan masyarakat di Kota Bharu

kepada para pembaca dengan begitu baik sekali. Cara kepengarangan tidak hanya terikat dengan satu jenis cerita, namun tidak juga memberi fokus kepada sesebuah keluarga sahaja. Novel ini begitu rinci menceritakan senario kehidupan yang berlaku di Kota Bharu di mana masyarakatnya terdiri daripada pelbagai golongan seperti para peniaga, para peraih ikan, sayur-mayur dan sebagainya. Jalan penceritaan yang terdapat dalam novel ini memberi gambaran jelas kepada para pembaca tentang keharmonian dan kedamaian bandar Kota Bharu dengan aliran air sungainya, sekaligus memercikkan riak kegelisahan, kemeriahan, kehirupikukan penghuni di pasar-pasar, gudang, pangkalan dan stesen kereta api. Selain itu juga, pengarang turut menceritakan kisah-kisah umum yang berkaitan dengan Malaysia seperti proses kemerdekaan dan pilihan raya, digambarkan secara khusus suasana yang berlaku pada ketika itu. Setiap sudut dan ruang tanah Kota Bharu seolah-olah berada di hujung pena pengarang itu sendiri.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian novel Melayu telah banyak dilakukan oleh para pengkaji dan para sarjana tempatan sebelum ini. Namun, kebanyakan kajian tersebut, lebih berfokuskan elemen struktur yang menentukan kualiti sesebuah novel. Novel merupakan salah satu genre yang cukup popular dan penting untuk dibincangkan dalam konteks keberkesanan bahasa dalam menyampaikan pemikiran dan idea pengarang kepada para pembaca. Pada umumnya, elemen ini kurang diberikan perhatian oleh pengkaji dan pengguna bahasa. Kajian retorik dari aspek kepengarangan genre novel pernah dilakukan oleh pengkaji bahasa seperti Sobariah binti Baharum (2008) yang meneliti novel Abdullah Hussain secara tuntas. Selain itu, pengkaji sebelum ini juga lebih memfokuskan sesuatu aspek sahaja seperti retorik iklan, retorik kewartawanan, retorik politik, dan retorik dakwah. Kajian sebelum ini seperti Zoriati binti Osman (2005), Abdul Mua'ti @ Zamri (2007) adalah tentang retorik politik. Seterusnya, Siti Saniah Abu Bakar (2009) mengkaji retorik iklan radio. Berdasarkan kajian retorik sebelum ini, jelas menunjukkan bahawa kajian retorik yang memberikan tumpuan khusus terhadap elemen retorik dalam novel belum ada. Ini menyebabkan masyarakat kurang berminat untuk menghayati karya kreatif, khususnya novel. Oleh itu, kajian ini akan memberikan fokus terhadap elemen retorik

dengan penerapan teori semantik. Dengan itu, kajian ini dijangka akan memberikan sumbangan baharu dalam bidang retorik, seterusnya dapat memberikan impak positif kepada masyarakat pembaca, khususnya dalam menilai dan menghayati karya kreatif. Ini demikian, kerana hasil karya kreatif, terutama genre novel boleh mempengaruhi khalayak pembaca dalam kehidupan seharian, melalui idea dan pemikiran yang disampaikan oleh pengarang.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis retorik dan meneliti beberapa elemen retorik yang digunakan oleh pengarang dalam novel *Orang Kota Bharu* (OKB). Pengkaji akan memanfaatkan tiga prinsip yang terdapat dalam teori retorik moden oleh Enos dan Brown (1993) untuk menjelaskan hasil dapatan kajian.

KEPENTINGAN KAJIAN

Genre penulisan novel menjadikan karya ini sebagai alat perantara pengarang dengan para pembaca. Pembentukan genre ini mempunyai hubungan yang erat dengan perkembangan ilmu, masyarakat dan kesusasteraan. Novel yang dipilih juga boleh dikategorikan sebagai novel sejarah yang sarat dengan ilmu dan fakta tentang Kota Bharu dan masyarakat sekitarnya. Penggunaan dialek Kelantan juga sinonim dengan hasil karya S. Othman Kelantan yang banyak menceritakan kisah hidup suka duka orang Kelantan dan keindahan negerinya. Kajian ini diharap dapat meningkatkan tahap pemikiran dan persepsi masyarakat terhadap rakyat Kelantan dan memahami sejarah wujudnya perkembangan seni budaya di negeri Kelantan.


Selain itu, kajian ini akan dapat memberi kefahaman terhadap elemen yang digunakan oleh S. Othman dalam novel *OKB*. Pemahaman ini adalah penting untuk memastikan bahawa pembaca dan masyarakat tidak keliru dengan penggunaan bahasa oleh S. Othman Kelantan. Masyarakat sekarang perlu diberi pendedahan dalam hal ini supaya mereka menghargai dan berbangga dengan sejarah dan warisan yang dimiliki oleh orang Melayu yang menggambarkan keindahan dan kesantunan bahasa. Selain untuk memahami keindahan bahasa, kajian ini juga berkepentingan untuk memberi pemahaman tentang elemen retorik dalam novel

berunsur fakta sejarah ini. Novel yang baik tentunya melambangkan keistimewaan kajian bahasa dalam pelbagai bidang kajian.

SKOP KAJIAN

Kajian ini hanya memberi tumpuan pada novel pertama karya S. Othman Kelantan di bawah Geran Bantuan Penulis, *OKB* (2006). Pengkaji hanya memfokuskan elemen retorik yang terdapat dalam novel ini, dan akan membincangkannya secara deskriptif untuk menjelaskan penggunaan kata berasaskan teori retorik moden oleh Enos dan Brown (1993). Penggunaan teori ini adalah untuk melahirkan pemahaman dan memberi kesan yang mendalam terhadap dapatan kajian. Enos dan Brown (1993) mengatakan bahawa retorik moden dapat dibahagikan kepada retorik pengucapan dan retorik penulisan. Retorik penulisan lebih kepada penggunaan bahasa yang berseni dan mempunyai nilai estetika yang tinggi dalam pelbagai bentuk penulisan sama ada penulisan karya kreatif mahupun bukan kreatif. Hal ini adalah berbeza dengan retorik pengucapan yang mempunyai matlamat untuk memberi keyakinan dan mempengaruhi khalayak pendengar. Berhubung dengan retorik penulisan dalam teks ucapan dan karya penulisan, Enos dan Brown (1993) mengatakan retorik berlandaskan prinsip artistik yang bertujuan untuk menghasilkan penulisan terbaik meliputi cara seseorang penulis itu menyampaikan pemikiran dan pengamatan melalui penggunaan bahasa yang berkesan dan diterima baik oleh pembaca.

Berdasarkan Rajah 1, pengkaji akan memanfaatkan tiga prinsip yang terdapat dalam teori retorik moden oleh Enos dan Brown (1993). Kerangka teori adalah seperti yang berikut;



RAJAH 1. Kerangka Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993)

SOROTAN LITERATUR

Kajian dalam bidang retorik sememangnya popular dalam kalangan pengkaji luar dan dalam negara. Begitu juga dengan pengkajian novel Melayu, terutama sekali hasil karya Sasterawan Negara yang telah diiktiraf. Antara pengkaji genre novel adalah seperti Jasudin Mamat (2000). Beliau membuat kajian tentang *Gaya Bahasa dalam Novel Tivi*. Beliau telah meneliti dan mengkaji aspek gaya bahasa yang terdapat dalam novel *Tivi* (1995) karya Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad dengan menggunakan Teori Stilistik. Kajian ini juga menganalisis secara rinci aspek gaya bahasa, termasuk peratusannya serta kekerapan penggunaannya dalam novel *Tivi*. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa gaya bahasa yang digunakan oleh Shahnnon ialah bahasa ringkas, ayat yang pendek, padat dan mudah difahami. Selain itu, Shahnnon turut menggunakan kata daerah serta perlambangan dalam novel ini untuk memperlihatkan identiti dan keperibadiannya yang tersendiri.

Seterusnya, Rosli bin Abdullah (2002), membuat kajian yang berjudul *Analisis Pembuka Perbualan dalam Novel-novel Melayu: Satu Kajian Makna*. Tujuan kajian beliau adalah untuk melihat dan menghuraikan penggunaan pembuka perbualan atau kata sapaan antara watak dalam novel Sasterawan Negara Usman Awang (*Tulang-Tulang Berserakan*) dan novel Sasterawan Negara A. Samad Said (*Hujan Pagi* dan *Daerah Zeni*). Seterusnya, beliau menganalisis pembuka perbualan antara watak dalam novel tersebut dari sudut semantik. Dapatan kajian beliau ini telah menunjukkan bahawa pembuka perbualan digunakan oleh pengarang novel adalah untuk melanjutkan cerita dalam bentuk perbualan. Pembuka perbualan tidak semestinya berupa kata ucapan memberi salam atau kata sapaan, tetapi boleh terbentuk melalui keadaan semasa.

Manakala, Sobariah binti Baharum (2008), telah mengkaji *Retorik dalam Novel-novel Abdullah Hussain*. Kajian ini telah meneliti jenis, struktur dan gaya retorik yang terdapat dalam lima buah novel Sasterawan Negara Abdullah Hussain, iaitu *Terjebak* (1977), *Masuk Ke Dalam Cahaya* (1983), *Imam* (1995), *Interlok* (1996), dan *Konserto Terakhir* (2001). Kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti teks secara tekstual dan kontekstual dengan pemanfaatan Teori Retorik Moden Enos dan Brown (1993). Tumpuan utama kajian beliau adalah untuk mengenal pasti jenis, struktur dan gaya retorik yang terdapat dalam novel Abdullah Hussain. Selain

itu, kajian ini bertujuan meneliti dan menjelaskan hubungan antara fungsi dan pemikiran pengarang dengan petanda retorik yang digunakan dalam novel yang dikaji.

Berdasarkan kajian yang dinyatakan ini, didapati telah ada pengkaji yang berminat meneroka bidang retorik dalam genre novel. Namun, belum ada kajian retorik berasaskan novel fakta sejarah. Oleh itu, pengkaji telah memilih novel *Orang Kota Bharu* yang mempunyai fakta sejarah sebagai bahan kajian dengan hanya meneliti elemen retorik.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa S. Othman Kelantan dalam penulisan novel *OKB* menggunakan retorik jenis naratif atau penceritaan. Dalam penulisan novel, penceritaan yang diketengahkan oleh pengarang pastinya mengandungi elemen struktur seperti tema, persoalan, watak dan perwatakan, latar, plot, sudut pandangan dan gaya bahasa yang pelbagai. Retorik penceritaan mengandungi empat bahagian seperti pendahuluan, perkembangan cerita, konflik dan peleraian, sama berakhir dengan komedi atau tragedi. Penceritaan juga bersifat imaginatif dan menggunakan bahasa figuratif untuk memberikan kesan mendalam kepada pembaca. Selain itu, retorik naratif lebih bersifat ekspresi yang bermaksud pelahiran maksud atau mesej melalui pemikiran dalam penulisan. Berdasarkan penelitian pengkaji, S. Othman Kelantan banyak menceritakan perihal Kota Bharu dengan sejarah asal-usul namanya, kedudukan geografinya, situasi politiknya dan masyarakat penduduknya dengan pelbagai ragam budaya.

RETORIK NARATIF

Pada umumnya, penulisan novel membawa maksud cerita rekaan berbentuk naratif yang agak panjang. Watak yang diketengahkan oleh pengarang mewakili kehidupan manusia pada dunia realiti sama ada pada masa kini atau pada masa lalu. Berdasarkan analisis novel, S. Othman Kelantan menggunakan retorik jenis naratif dalam penulisannya dengan memaparkan fakta sejarah Kota Bharu sebagai ibu negeri Kelantan. Retorik naratif mempunyai empat bahagian penceritaan, iaitu pendahuluan atau permulaan cerita, perkembangan cerita, konflik dan peleraian atau kesimpulan dalam cerita. Novel ini dibahagikan kepada 17 bab atau bahagian dan setiap

bab mempunyai kisah kehidupan yang berbeza antara satu sama lain. Antara contoh retorik jenis naratif yang terdapat dalam novel ini adalah seperti yang berikut:

1. Haji Alias sudah lima tahun di Pondok Bunut Payong ini. Dia mendirikan sebuah pondok kecil di celah-celah ratusan pondok yang sudah lama didirikan. Kawasan pondok ini luas berekar-ekar. Di tengah-tengah ratusan pondok yang berceratak di mana-mana itu, tercegat gagah sebuah surau. Di situlah pusat pembelajaran agama Islam. Tuan Guru Haji Abdullah Tahir mengetuai seluruh pembelajaran agama Islam di sini. (OKB: 24)
2. Kerja rutin ini bernafas sejak limun pagi. Ada yang beroperasi sebelum azan subuh didengungkan dari masjid besar, Masjid Muhammadi, yang letaknya di sisi Padang Merdeka, berdekatan stesen kereta api Palekbang sebelah Kota Baru. Kebanyakan mereka menunaikan solat subuh di madrasah Jalan Jamikyah yang berdekatan dengan pasar besar. Barangan seperti ikan, ayam, ketam, sayuran, daging, garam, gandum, beras, dan sebagainya disambut dengan becok oleh pekerja perempuan. Golongan inilah yang menyisihkan semuanya. (OKB: 51-52)
3. Secara majazi, atau secara kiasan, istilah 'hadhiratu'l-quds' ini dapat diertikan sebagai ruang kesucian Ilahi, tentu saja bukan ruang yang dapat dilihat oleh mata. Ruang itu hanya menunjukkan arah untuk mendekatkan diri kepada Allah Yang Maha Suci secara kerohanian. (OKB: 120)

S. Othman Kelantan menggunakan teknik jenis naratif untuk menceritakan suasana dan peristiwa yang dialami oleh watak. Berdasarkan contoh 1, pengarang menceritakan perihal Pondok Bunut Payong yang telah didiami oleh watak Haji Alias selama lima tahun. Pondok ini didirikan di kawasan yang luas berekar-ekar dan terdapat sebuah surau di tengah-tengah ratusan pondok yang ada. Pondok ini telah menjadi pusat pengajaran dan pembelajaran agama Islam dan diketuai oleh Tuan Guru Haji Abdullah Tahir. Dalam penceritaan ini, pengarang sedikit sebanyak mengemukakan sejarah penubuhan Pondok Bunut Payong kepada para pembaca. Latar tempat ini telah mengubah kehidupan watak Haji Alias dan lainnya untuk mendalami ilmu agama yang menjadi bekal kehidupan dunia dan akhirat.

Dalam Contoh 2 pula, S. Othman Kelantan menceritakan perihal peraih dan penjual yang memulakan operasi sebelum tibanya waktu subuh. Mereka akan mendengar azan subuh daripada Masjid Muhammadi yang terletak berdekatan stesen kereta api Palekbang bersebelahan dengan bandar Kota Bharu. Mereka kebanyakannya akan menunaikan solat subuh di madrasah Jalan Jamikyah yang berdekatan dengan pasar besar. S. Othman Kelantan turut menggambarkan situasi yang berlaku ketika di

pasar besar seperti suasana kecoh dengan kebisingan pekerja perempuan yang memanipulasikan pasar besar secara keseluruhannya. Golongan ini yang akan melakukan pelbagai urusan yang berkaitan dengan proses jual beli di pasar besar.

Berdasarkan Contoh 3, S. Othman Kelantan kerap menggunakan istilah Arab untuk menjelaskan sesuatu yang berkaitan dengan agama Islam. Setiap penggunaan istilah Arab ini disertai dengan penerangan maksudnya. Istilah ‘hadhiratu’l-quds’ yang bermaksud ruang kesucian Ilahi yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera. Ruang ini dinyatakan untuk menunjukkan arah mendekati diri kepada Allah SWT.

TEMA

Novel *Orang Kota Bharu* bertemakan sejarah masyarakat Kota Bharu secara keseluruhannya yang berdepan dengan pelbagai krisis yang berlaku seperti krisis politik, ekonomi, masalah sosial, dan sebagainya. Kisah yang disentuh dan diketengahkan oleh pengarang umumnya berkaitan dengan Malaysia seperti kemerdekaan dan pilihan raya yang digambarkan secara khusus pada ketika itu di Kota Bharu. Kisah itu telah diolah berasaskan tanggapan pengarang terhadap pelbagai isu, seperti isu ekonomi, politik, masalah sosial, dan keagamaan, dengan menggunakan bahasa figuratif.

EKONOMI

S. Othman Kelantan menyentuh isu ekonomi rakyat Kelantan pada zaman selepas kemerdekaan. S. Othman memaparkan penguasaan golongan wanita dalam sektor ekonomi negeri Kelantan. Golongan wanita memenuhi pasar Siti Khadijah sebagai peniaga dan peraih mencari rezeki membantu suami untuk memenuhi keperluan hidup seharian. S. Othman menggambarannya seperti berikut:

4. Barangan seperti ikan, ayam, ketam, sayuran, daging, garam, gandum, beras, dan sebagainya disambut dengan becok oleh pekerja perempuan. Golongan inilah yang menyisihkan semuanya. Meletakkan pada tempatnya. Golongan merekalah yang akan menerimanya setelah masuk pasar. Dan, merekalah yang akan menjualnya sehingga menjelang tengah hari. (OKB: 52)

Selain itu, S. Othman Kelantan turut mengatakan bahawa harga makanan dan barangan keperluan di Kelantan secara relatifnya adalah murah jika dibandingkan dengan negeri lain di Malaysia. Ini tergambar dalam petikan berikut:

5. Ketika Raja Ismail melangkah pergi dan tangan kanannya melimbaik lima kampil kecil serbuk kopi, pelanggan baru tersenyum. Raja Ismail pula mencongak-congak dalam kepalanya. Makan sepinggan nasi berlauk ayam gulai, lima jenis kuih, serbuk kopi lagi, dan belanja kepada kawan yang tidak dikenali, belum sampai 10 ringgit. Ya Tuhan! Raja Ismail memuji Tuhan kerana memberi nikmat kepada orang Melayu Kelantan. Makanan mewah, malah melimpah-ruah. (OKB: 57)

POLITIK

Seterusnya, persoalan politik turut disentuh oleh S. Othman Kelantan dalam bab ketiga belas, keempat belas dan kelima belas. Pengarang mengatakan bahawa 10 Mei 1969 ialah kemuncak pertelagahan politik di seluruh Malaysia, yang menyaksikan pertumpahan darah akibat konflik perkauman. Pilihan raya yang diadakan pada hari itu merupakan pilihan raya paling bererti kepada semua parti kerana telah berlaku pertelagahan paling hebat dalam semua parti, terutama yang mewakili kaum tertentu. Katanya:

6. Perikatan terpaksa menghadapi keadaan ini dengan penuh gelabah. Di Perak dan Selangor pula, kempen DAP yang menyentuh isu perkauman, amat berat. Isu perkauman yang dijadikan pemangkin oleh DAP itu sangat menarik perhatian kaum Cina. ... Di mana-mana sahaja pada bulan-bulan terakhir sebelum menjelang tarikh sebenar pilihan raya, isu perkauman, isu kafir-mengkafir, isu konfrontasi yang masih belum selesai sepenuhnya (OKB: 428)
7. ‘gabungan parti ini tidak menimbulkan fitnah politik, kecuali DAP, yang tidak menyertai Barisan Nasional.’ Orang Kota Bharu khususnya, Kelantan Umumnya, antara orang PAS dan UMNO sudah berbaik-baik semula. Mereka saling maaf memaafkan. Rakyat tidak bersengketa. (OKB: 439)

MASALAH SOSIAL

S. Othman Kelantan memaparkan kehidupan pelbagai ragam manusia yang ada di bandar Kota Bharu. Antaranya adalah golongan lelaki yang suka bermain Aji, suka berjudi melaga ayam, suka bergaduh, dan sebagainya. Mereka digambarkan sebagai golongan yang kurang bertanggungjawab kepada keluarga. Urusan mencari nafkah untuk keluarga diletakkan pada golongan wanita. Mereka lebih banyak menghabiskan masa dengan kerja yang tidak berfaedah. Contohnya:

8. “Kau juga yang tambah jadi 15. Kalau tidak 10 sahaja. Buat tak buat, bayarlah sekarang.” Jusuh Puling menyeluk kocek seluarnya yang kumal itu. Mengeluarkan wang seringgit-seringgit. Ayam bapak itu masih dikepitnya

dengan tangan kiri. Pak Seman juga mengepit ayamnya dengan tangan kiri. Jusuh menghitung-hitung wangnya. Lalu dihulurkan kepada Pak Seman. Berjudi, Ya!” (OKB: 62)

9. “Cih, celaka!” Jali Sabak memaki Noh Ular Kapak di depan Mat Sin.
10. Waktu itu luka di atas bahu dan sedikit di perut Mat Sin kerana lawi ayam Noh Ular Kapak, sudah diubati dan dibaluti oleh Rahim Mat Setapa. Jusuh Kelab juga berada di situ dengan wajah mencuka.
11. “Kenapa mu tak masuk?” Jusuh Kelab seakan-akan memarahi Jali Sabak. (OKB:173)

KEAGAMAAN

Persoalan keagamaan diketengahkan oleh S. Othman Kelantan dalam bab kedua, keempat, dan keenam belas novel. Soal agama disentuh melalui gambaran menunaikan fardu haji, pondok pengajian agama, hukum hakam, kitab agama, dan seumpamanya. Contohnya:

12. Belajar dan beribadat. Berehat dan menelaah pelbagai jenis kitab. Dia sudah separuh mahir dengan Musalli. Sudah habis menadah Manhalussafi, walaupun kurang faham mengenai tingkat dan darjat golongan sufi. Sudah berkenalan dengan Minhaju’l –‘Abidin dan sangat mencintainya. (OKB: 25)

Selain itu, S. Othman Kelantan turut menyatakan maksud Surah al-Hujurat 49:13 melalui watak Nik Haji yang mentafsirkan surah tersebut kepada Ahmad. Penerangan surah al-Hujurat antara bukti wujudnya unsur keagamaan dalam novel ini. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa S Othman Kelantan juga turut berdakwah melalui karyanya.

13. Sebenarnya frasa لَتَعَارَفُ atau “supaya kamu berkenalan-kenalan” itu membawa makna memegang tanggungjawab untuk melaksanakan sesuatu keputusan yang sudah dibuat bersama (OKB: 525)

PENGGUNAAN BAHASA FIGURATIF

Setiap penulisan kreatif mempunyai gaya kepengarangan yang berbeza berdasarkan pemikiran dan gaya tersendiri. Setiap penulis atau pengarang berkemampuan dan berkebolehan untuk memanipulasikan bahasa dalam penulisan sebaik mungkin. S. Othman Kelantan didapati menggunakan elemen seperti metafora, anafora, repeten, epifora, simile, personifikasi, hiperbola, dan hibrida, untuk menarik minat para pembaca.

METAFORA

Metafora merupakan satu bentuk perbandingan yang menyatakan perbandingan secara literal dan secara implisit. Metafora juga dapat dikenali melalui perbandingan secara abstrak dan konkrit. Metafora merupakan suatu gaya bahasa, iaitu seseorang menggunakannya untuk mengalihkan makna sebenar daripada satu kata kepada satu kata yang lain berdasarkan perbandingan. Dengan kata lain, metafora terjadi apabila kata yang satu dipakai sebagai pengganti kata yang lain, berdasarkan kemiripan atau kontras. Lehmann (2000) pula mengatakan bahawa metafora ialah gaya bahasa yang mempunyai kesamaan dengan memberikan sebuah kata dengan makna lain melalui perbandingan tidak langsung. Abstrak bermaksud suatu yang tidak berupa atau bersifat kebendaan seperti tidak dapat dilihat atau dirasa dengan pancaindera. Manakala, konkrit pula bermaksud memiliki sifat kebendaan, iaitu sesuatu yang dapat digambarkan. Contoh penggunaan metafora adalah seperti petikan berikut:

14. Apakah Jali sudah mati sehingga Dolah Butut ikut ke kampungnya? Rahim berasa tidak sabar hendak mendengar berita Jali. Walaupun hospital besar tidak jauh dari rumahnya, Rahim mengikut pendapat Musa. Mereka jangan pergi ke hospital. Jangan menempa geruh. Jangan! (OKB: 330)

Dalam petikan di atas, kata ‘menempa’ bersifat konkrit yang bermaksud mencipta atau membuat sesuatu, dan ‘geruh’ pula bersifat abstrak, iaitu suatu yang tidak dapat dilihat membawa maksud malang, celaka atau bernasib buruk. Dari segi konteks ayat, iaitu secara pragmatik, S. Othman Kelantan memperlihatkan watak Rahim yang dinasihati oleh Musa agar tidak ke hospital untuk melawat Jali kerana berkemungkinan mereka akan mencetuskan celaka atau menerima musibah.

ANAFORA

Menurut Gorys Keraf (2004:127), anafora merupakan salah satu repetisi yang mewujudkan pengulangan kata pertama pada setiap baris atau ayat yang mengikutinya. Letteri (2002) pula mengatakan bahawa anafora sebagai pengulangan satu perkataan atau frasa pada awal ayat. Pengulangan anafora adalah untuk menegaskan bahawa setiap kata yang diulang penting untuk difahami, di samping untuk mencapai efek kesedapan bunyi atau ‘keefektifan’ bahasa. Contoh:

15. Kota Baru menjadi kota seronok. Kota Baru menjadi kota kejam. (OKB: 17)
16. Alangkah bertuahnya. Alangkah besarnya makna kemerdekaan ini kepada pejuang yang masih hidup. Alangkah berharganya pejuang kemerdekaan zaman perintis yang telah memulakan perjuangan ini. (OKB: 241)
17. Pagi ini, hari Sabtu, 31 Ogos 1957 bersamaan 6 Safar 1377. Pagi Sabtu yang cerah dan ceria. Pagi yang menjadi kepala atau induk kepada era kemerdekaan. Pagi yang membezakan zaman penjajahan dengan kemerdekaan. (OKB: 243)

Dalam contoh 15, perulangan anafora ‘Kota Baru’ digambarkan oleh pengarang sebagai kota yang memberi keseronokan dan juga tidak mempunyai belas kasihan. Perulangan ini adalah untuk menyatakan unsur positif dan negatif yang dapat dirasai di bandar Kota Baru. Pengarang menggunakan elemen ini adalah untuk menekankan Kota Baru sebagai subjek diterangkan kepada pembaca. Dalam contoh 16 pula, pengarang menggunakan perulangan untuk kata ‘alangkah’ sebanyak tiga kali dalam setiap permulaan ayat seperti dalam petikan. Kata ‘alangkah’ dapat melahirkan rasa kagum pembaca, di samping dapat memberikan penekanan betapa besar dan berharganya nilai kemerdekaan kepada rakyat jelata pada ketika itu. Seterusnya, dalam contoh 17, perulangan kata ‘pagi’ juga sebanyak tiga kali untuk menekankan latar masa pagi yang bersejarah sempena menyambut kemerdekaan negara.

REPETEN

Repeten (bunyi, perkataan atau rangkai kata) yang diulang kembali dalam bahagian tertentu, untuk memberi penegasan atau menimbulkan nilai estetika dalam karya, dan letak tempat pengulangan ini dalam setiap ayat, selalunya tidak tetap. Contohnya:

18. Dan, malah seluruh Biaritz Park mulai bernafas dengan menerima hayatnya apabila menjelang malam. Ada joget moden. Ada tarian. Ada tarian utk mengembangkan bakat. Husin Keroncong terkenal di sini. Ada minuman untuk menghilangkan akal. Ada teman untuk menghilangkan resah batin. Ada ada ada ada ada ada ada ada ada. (OKB: 16)

Berdasarkan contoh di atas, pengarang menggunakan elemen perulangan repeten bagi klausa ‘ada’ untuk memberi penjelasan tentang keberadaan kelab yang bernama Biaritz Park di Kota Bharu. Kata ‘ada’ yang digunakan dalam ayat ini adalah bermaksud boleh didapati, ditemui dan dilihat iaitu kepelbagaian yang disediakan di Biaritz

Park yang boleh memberi keburukkan kepada pegunjunnya.

19. Selalunya bengkel atau ceramah itu diberikan oleh Presiden PAS, Dr Burhanudin al-Hilmy, atau Ustaz Zulkifli Muhammad, atau Ustaz Othman Abdullah, atau Ustaz Abu Bakar Hamzah, atau Mohd Asri, atau Amaludin Darus, atau, atau atau, atau... (OKB: 261)

Pengarang menggunakan repeten dengan mengulangi perkataan sebanyak 10 kali dalam satu ayat ditandai koma (.). Kata yang digunakan itu merupakan kata hubung yang membawa maksud salah satu antara beberapa perkara, hal atau pilihan. Dalam petikan ini, pengarang mengulangi kata *atau*, untuk menyatakan beberapa tokoh atau ustaz yang akan memberi ceramah dalam loka karya yang dianjurkan oleh PAS. Disebabkan terlalu banyak tokoh atau ustaz yang ingin diceritakan oleh pengarang, pengulangan kata *atau* diulang berkali-kali.

EPIFORA

Epifora yang biasa disebut juga dengan istilah *epistrophe* merupakan perulangan pada akhir baris dalam setiap ayat atau pada akhir beberapa frasa yang berurutan pada tempat yang sejajar. Contohnya:

20. Tugas guru memang penting dan diperlukan. Tetapi, tugas anggota masyarakat untuk mengisi kemerdekaan melalui program parti juga amat memang penting dan diperlukan. (OKB: 260)

Perulangan epifora ‘perlu’ dimanfaatkan oleh pengarang untuk menyatakan tugas guru dan anggota masyarakat untuk mengisi kemerdekaan merupakan suatu kemestian dan keharusan yang tidak boleh dielakkan. Melalui elemen ini, pengarang menekankan bahawa kedua-dua golongan ini penting untuk menyertai program parti dan bersama-sama menikmati dan menghayati kemerdekaan negara.

SIMILE

Simile merupakan elemen retorik yang menyatakan perbandingan yang secara jelas mengungkapkan persamaan dua objek atau lebih melalui beberapa keadaan. Dua objek yang dibandingkan itu secara hakikinya berbeza, tetapi dianggap mengandungi segi yang serupa. Keserupaan ini dinyatakan secara eksplisit dengan kata hubung *seperti*, *bagai*, *laksana*, *bak*, dan seumpamanya. Contohnya:

21. Kota Baru yang umpama gadis sunti amat cepat tumbuhnya menjadi anak gadis yang memikat dengan tubuh segar-bugarnya. (OKB: 12)

22. Badan Jusoh menjadi lembik seperti kain buruk. (OKB: 18)
23. “Ikan segar, cantik seperti Kasma Booty!”
“Tengok sotong segar seperti Madhu Bala!”
(OKB: 52)
23. “Nampaknya Tuan Lah macam lepas batuk di tangga saja”.
(OKB: 134)

Berdasarkan contoh 21, 22, 23 dan 24 tersebut, elemen retorik simile yang digunakan oleh S. Othman adalah untuk membandingkan sesuatu perkara dengan sesuatu perkara yang lain untuk menggambarkan kelebihan subjek yang ingin dijelaskan. Contoh 21: S. Othman Kelantan membandingkan Kota Baru sebagai salah sebuah bandar di negeri Kelantan dengan ‘gadis sunti’ dan seterusnya ‘anak gadis’ yang bersifat manusia. Pengarang cuba menjelaskan bagaimana Kota Baru berkembang daripada sebuah bandar yang mundur kepada bandar yang kian membangun pada ketika itu. Contoh 22: S. Othman Kelantan menggambarkan watak Jusoh yang lemah seperti kain buruk. Perbandingan kata melalui kain buruk yang pastinya memberi gambaran kepada para pembaca dengan gambaran kain buruk yang lusuh dan tidak lagi berfungsi seperti sebelumnya, dan tidak berguna lagi kepada sesiapa pun, selain untuk mengelap sesuatu yang sifatnya buruk juga.

Seterusnya, contoh 23: S. Othman Kelantan menggunakan perbandingan simile melalui watak penjual atau peraih hasil tangkapan laut yang cuba menarik para pembeli dengan membandingkan ikan dan sotong dengan bintang filem wanita dari India. Keadaan ini, secara konteks pertuturannya, S. Othman cuba memperlihatkan watak penjual atau peraih yang menggunakan elemen simile ini untuk memujuk para pembeli membeli hasil tangkapan mereka. Contoh 24: S. Othman Kelantan membandingkan watak Tuan Lah yang bersikap ‘macam lepas batuk di tangga’ yang bermaksud melakukan sesuatu pekerjaan dengan tidak bersungguh-sungguh atau sambil lewa. Watak ini tidak berminat dengan kerja yang dilakukannya. Implikasinya, tentulah hasil kerja itu tidak memuaskan.

PERSONIFIKASI

Elemen personifikasi ialah perlambangan sifat manusia yang diberikan kepada benda tidak bernyawa atau sesuatu yang abstrak seperti perasaan dan emosi. Elemen ini merupakan perbandingan

yang memberikan sifat manusia kepada benda atau binatang. Contoh:

24. Pengaliran yang tidak pernah berhenti, menyapa dan mengusap kaki dan cerpu Kota Baru yang megah dan gagah. (OKB: 2)
25. Lonjakan air Sungai Kelantan menerjah ganas dengan warna keruhnya, mengorbankan harta benda dan ratusan nyawa manusia (OKB: 6)

Berdasarkan contoh 25 dan 26 di atas, pengarang menggunakan perbandingan antara kata sifat untuk manusia dengan nama tempat seperti Kota Baru dan Sungai Kelantan. ‘Menyapa dan mengusap’ ialah kata kerja perbuatan yang membawa maksud menegur dan menyapa. Manakala kata ‘cerpu’ pula bermaksud sejenis pelapik kaki yang dibuat daripada kulit. Oleh itu, berdasarkan makna secara pragmatik dapat dilihat pengarang cuba menggambarkan pembangunan yang begitu pesat berlaku di bandar Kota Bharu. Begitu juga dengan contoh 26: Sungai Kelantan digambarkan ‘menerjah ganas’, iaitu bermaksud datang menyerang atau mengamuk secara tiba-tiba tanpa diduga. Secara jelasnya, Sungai Kelantan mempunyai arus deras yang telah mengorbankan harta benda dan nyawa manusia sekitarnya, terutama pada waktu banjir.

HIPERBOLA

Hiperbola daripada kata Yunani *hyperballen* yang bermaksud melemparkan ke atas. Dalam konteks ilmu sastera, hiperbola merupakan perbandingan secara berlebih-lebihan untuk menerangkan sesuatu perkara. S. Othman menggunakan elemen ini untuk memberikan kesan tertentu kepada para pembaca. Contoh:

26. Dan, Kota Baru sebagai puteri gergasi, ruap nafasnya dan denyut nadinya menghidupkan para peniaga beras-ketas, para peraih ikan dan sayur-mayur (OKB: 7)
27. Kota Baru sebagai gadis jelita yang sedang merimbun dengan keanggunan dalamannya ini, telah menarik dan menggigit ribuan pelajarnya dari seluruh Tanah Melayu (OKB: 15)

Contoh yang dinyatakan seperti di atas memaparkan gaya perbandingan hiperbola yang melampau-lampau. S. Othman Kelantan telah membandingkan bandar Kota Baru dengan ‘puteri gergasi’. Secara konteksnya, kata ‘puteri’ menggambarkan anak perempuan raja yang perlu dihormati atau permaisuri, manakala ‘gergasi’ menggambarkan suatu makhluk yang sangat besar dan tidak berperikemanusiaan. Oleh itu, melalui

elemen retorik hiperbola ini, S. Othman Kelantan menggambarkan bahawa bandar Kota Baru sebagai bandar besar yang telah membangun dengan baik dan dihormati.

Dalam contoh 27, Kota Baru turut digambarkan oleh S. Othman Kelantan seperti 'gadis jelita' yang merupakan kata sifat untuk manusia. Gadis diertikan sebagai anak dara atau perempuan yang sudah baligh, manakala 'jelita' pula ditafsirkan sebagai cantik, elok, atau molek. S. Othman Kelantan sebenarnya ingin memberi gambaran kepada pembaca tentang Kota Bharu yang semakin matang dan terus berkembang dengan keindahan masyarakatnya, yang menjadi idaman kepada sesiapa untuk mengunjunginya.

HIBRIDA

Gaya bahasa yang menggabungkan dua perkataan atau lebih untuk menjadi satu kata. Hibrida kebanyakannya digunakan oleh pengarang dalam genre puisi. Namun begitu, gaya bahasa ini dimanfaatkan oleh S. Othman Kelantan untuk memperindah penulisan dalam genre novel, di samping memastikan bahawa keberkesannya diperoleh secara maksimum.

Contoh:

28. Menambahindahkan wajah Kota Baru, yang kelihatan seakan-akan raut manis seekor puteri raksasa dalam hikayat zaman lampau, zaman purbakala (OKB: 2)
29. Perkara yang dikerjakan setiap hari ialah memasargelapkan tiket wayang gambar, terutama di Panggung Lido, apabila gambar Melayu atau Hindustan dipertontonkan. (OKB: 141)

Berdasarkan contoh 28 dan 29, pengarang menggunakan elemen hibrida, iaitu gabungan dua perkataan seperti 'menambahindahkan' dan 'memasargelapkan'. Perkataan 'menambahindahkan' ialah gabungan kata tambah dan indah dengan penggunaan imbuhan apitan 'meN-...-kan' yang bermaksud menjadikannya lebih baik atau lebih cantik. Pengarang menceritakan bandar Kota Bharu yang menjadi lebih cantik dengan wujudnya aliran sungai Kelantan yang bersih airnya. Manakala, perkataan 'memasargelapkan' pula ialah pengimbuhan kata majmuk kiasan 'pasar gelap' yang bermaksud kegiatan ekonomi yang melibatkan penjualan dan pembelian barang dagangan secara tidak sah. Pengarang menggabungkan dua kata ini untuk menerangkan tindakan pihak tertentu secara jelas, di samping memperindah penggunaan bahasa dalam penulisan novel.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis terhadap retorik naratif penceritaan dalam novel *Orang Kota Bharu*, didapati S. Othman Kelantan memaparkan beberapa isu yang diketengahkan melalui penceritaan beliau. Antara isu yang disentuh adalah seperti isu ekonomi, politik, masalah sosial dan keagamaan. Melalui analisis novel ini juga, pengkaji mendapati bahawa retorik naratif dimanfaatkan sepenuhnya dengan mengenal pasti pernyataan, pendedahan dan pemerian. Penggunaan bahasa figuratif seperti metafora, anaphora, repeten, epifora, simile, personifikasi, hiperbola, dan hibrida memainkan peranan penting dalam penulisan novel untuk melahirkan keindahan dalam menyampaikan mesej serta pemikiran kepada para pembaca. Pemanfaatan teori retorik moden oleh Enos dan Brown (1993) dapat menjelaskan bentuk bahasa retorik dalam penulisan novel OKB yang mempunyai penyimpangan dan kelainan dari segi makna. Bahasa retorik lebih kepada bentuk bahasa yang berbunga-bunga dan berwarna-warni. Gaya retorik lebih mengusulkan makna pragmatik, makna tersirat atau makna sebenar sesuatu ujaran yang dapat difahami berdasarkan jalinan ayat, konteks dan kontekstual. Retorik bertujuan memberi kesan yang mendalam seperti untuk menghaluskan makna, menajamkan rasa, dan mempengaruhi pembaca. Kajian ini sememangnya mampu membantu khalayak pembaca dalam memahami keindahan dan kesenian yang terdapat dalam penulisan kreatif, di samping dapat meningkatkan mutu penulisan karya kreatif pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. 2007. *Pemikiran Tun Dr. Mahathir bin Mohamad*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Hj. Omar. 2007. *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasudin Mamat. 2000. *Kajian Gaya Bahasa dalam Novel Tivi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Keraf, Gorys. 2004. *Argumentasi dan Narasi: Lanjutan komposisi III*. Jakarta: Fukuzawa Pustaka Utama.
- Lehmann, Alise & Françoise Martin-Berthet. 2000. *Lettre Sup. Introduction à la Lexicologie - Sémantique Et Morphologie*. Dunod: Nathan/HER
- Letteri, R. 2002. *A Handbook of Public Speaking*. Boston: Ally and Bacon.
- Rosli bin Abdullah. 2002. Analisis pembuka perbualan dalam novel-novel Melayu: Satu kajian makna. Tesis

- Master Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia
- S. Othman Kelantan, Abdullah Tahir. 2003. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan. 2006. *Orang Kota Bharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sobariah binti Baharum. 2008. Retorik dalam nove-novel Abdullah Hussain. Disertasi Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Universiti Putra Malaysia.
- Zoriati binti Osman. 2005. Retorik pujukan: Kajian kes ceramah Haji Hadi Awang. Tesis Master Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Nurulain Abdul Razak
Universiti Putra Malaysia
E-mail: ainnuriman89@yahoo.com

Che Ibrahim Salleh
Universiti Putra Malaysia
E-mail: cibrahim@upm.edu.my

Diserahkan: 22 Januari 2015
Diterima: 10 Januari 2016